



KOPERASI KAKITANGAN
AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD

Lot 1-3, Tingkat 1, Jalan Cempaka SD 12/1A, Bandar Sri Damansara
PJU 9, 52200 Kuala Lumpur

www.kkaimb.my

03-62634501

admin@kkaimb.my



Rujukan Kami : KKAIMB/400/02(s)-04/02-001

Tarikh : 12 Mei 2026

Kepada :

Anggota-anggota

Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KKAIMB)

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PERUBAHAN TEMPOH KONTRA BAGI TUNGGAKAN PEMBIAYAAN DARIPADA TIGA (3) BULAN KEPADA SATU (1) BULAN

Mesyuarat Lembaga KKAIMB Kali Ke-5 Sesi 2025 bertarikh 9 Mei 2026 telah meluluskan Tempoh Kontra Bagi Tunggakan Pembiayaan daripada Tiga (3) Bulan kepada Satu (1) Bulan.

2. Sehubungan dengan kelulusan tersebut adalah dimaklumkan bahawa aktiviti kontra tunggakan melalui caruman syer dan yuran yang sebelum ini dilaksanakan bagi tunggakan tiga (3) bulan dan ke atas, kini dipendekkan kepada tunggakan satu (1) bulan dan ke atas.

3. Pelaksanaan prosedur baharu ini akan dijalankan secara berkala pada setiap bulan. Anggota diberi tempoh sehingga 15 hari bulan pada bulan berikutnya untuk menjelaskan bayaran pembiayaan tersebut. Sekiranya bayaran gagal diterima atau lewat daripada tarikh yang telah ditetapkan, jumlah tunggakan tersebut akan dikontra secara automatik daripada caruman syer dan yuran anggota.

4. Perubahan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses kutipan serta memastikan kelestarian kewangan koperasi dapat dikekalkan. Pihak KKAIMB amat mengharapkan kerjasama tuan/puan untuk melakukan pembayaran secara konsisten bagi mengelakkan pengurangan baki caruman syer dan yuran tuan/puan.

Kerjasama daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“MEMBANGUN BERSAMA KOPERASI”

Yang diamanahkan,

NORHALIZA BINTI DOLLAH

Setiausaha Lembaga,

Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KKAIMB)

s.k: Fail Koperasi